

BIDANG KEPAKARAN

1. Ekologi Landskap
(*Landscape Ecology*)
2. Ekologi Hidupan Liar
(*Wildlife Ecology*)
3. Ekologi
(*Ecology*)



PROF. MADYA DR. SAIFUL ARIF ABDULLAH

PROFIL

Beliau merupakan Profesor Madya dan Felo Kanan di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan telah berkhidmat di institusi itu sejak April 1995. Pada tahun 2006 beliau memperoleh ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Hiroshima, Jepun dalam bidang Ekologi Landskap. Tumpuan penyelidikan beliau adalah pada kesan pembangunan guna tanah terhadap komposisi, struktur dan fungsi landskap semula jadi dan/atau habitat hidupan liar, khususnya di kawasan dilindungi seperti rezab hidupan liar dan taman negara serta ruang hijau bandar dan landskap bio-budaya. Penyelidikan juga meneroka interaksi antara komposisi, struktur dan fungsi landskap semula jadi yang mempengaruhi nilai pemuliharaan dan status pemuliharaan kawasan berkenaan dan bagaimana ia melibatkan perancangan dan pengurusan pemuliharaan. Memandangkan pembangunan lestari adalah agenda global dan nasional untuk memerangi kemerosotan alam sekitar, konteks kelestarian adalah rangka kerja utama yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan. Selain penyelidikan beliau juga terlibat dalam beberapa perundingan dan khidmat nasihat yang berkaitan dengan alam sekitar dan pembangunan untuk agensi kerajaan dan swasta. Antaranya adalah dalam merangka Strategi Pembangunan Mampan dan Agenda 21 Negeri Selangor Darul Ehsan pada tahun 1998-2002, cadangan pembangunan sumber-sumber Pulau Aman dan Pulau Gedong (2000-2002), Pelan Pengurusan Terintegratif Taman Marin Tun Mustapha (2006-2007), Pelan Tindakan Perancangan dan Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Dalam Perancangan Guna Tanah Semenanjung Malaysia (2006-2010), Garis Panduan Pengurusan dan Perancangan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Perbukitan dan Tanah Tinggi (2006-2007), dan membangunkan cadangan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sumber-sumber Fiziko-kimia, dan Biologi Daratan dan Marin Pulau Balambangan dan Pulau Pangkor (2010-2013). Selain itu beliau juga merupakan pemeriksa luar program pengajian Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, UiTM Shah Alam (2020-2022) dan pernah dilantik sebagai 'Visiting Researcher' di Hiroshima University pada tahun 2010. Selain jurnal-jurnal ilmiah beliau juga telah menerbitkan dua buah buku iaitu 'Changing Landscape and Sustainability of Wildlife Protected Areas in Peninsular Malaysia' pada tahun 2018 (Penerbit UKM) dan 'Conserving Bio-cultural Landscape in Malaysia and Indonesia for Sustainable Development' pada tahun 2022 (Springer Publisher).